



# Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin Terus Menerajui UniMAP

Brig. Jeneral Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin terus diberikan kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menerajui Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) apabila beliau telah disambung semula kontraknya selama setahun sebagai Naib Canselor setelah bersara wajib pada umur 60 tahun, 10 Februari 2015. Beliau mula berkhidmat sebagai Rektor pertama UniMAP pada 16 Februari 2002 yang ketika itu dikenali dengan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sebelum melalui proses penjenamaan sebagai sebuah universiti pada 1 Mac 2007.

Tempoh perkhidmatan selama 14 tahun ini menjadikan beliau antara peneraju paling lama bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini. Beliau juga terus menerajui Pengerusi Jawatankuasa Induk Naib Canselor/Rektor IPTA yang disandangnya bermula 2014 lalu. Prof. Dr. Kamarudin memulakan khidmat sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Kimia, USM pada tahun 1982 sebelum menjawat pelbagai jawatan antaranya Pengerusi Rancangan Kimia, Timbalan Dekan, Dekan, seterusnya Pengarah Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia di Tronoh pada tahun 2001 hingga 2002 sebelum dilantik sebagai Rektor KUKUM.